

PENJARA PULAU PINANG: ISU-ISU DALAM PERKEMBANGAN PENDIDIKAN PENJARA, 1941-1957

*(THE PENANG PRISON: ISSUES IN THE DEVELOPMENT OF PRISON EDUCATION,
1941-1957)*

Siti Alwalyah Binti Mansor
sitalwalyah97@gmail.com

Ahmad Kamal Ariffin Bin Mohd Rus
akamal@um.edu.my

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial,
Universiti Malaya

Abstrak : *Penjara Pulau Pinang merupakan penjara terawal di Tanah Melayu yang ditubuhkan pihak British pada tahun 1790. Banduan di penjara Pulau Pinang merupakan pesalah yang mendapat pendedahan terawal diberikan pemulihan melalui program pendidikan penjara. Selepas Perang Dunia Kedua, konsep pemulihan banduan mula diketengahkan sekaligus konsep hukuman telah dihentikan. Justeru itu, pendidikan di penjara digunakan sebagai elemen utama untuk memulih dan memberi peluang kedua buat banduan berubah. Pihak British mula menyediakan kemudahan pendidikan di dalam penjara secara berperingkat. Namun, Penjara Pulau Pinang menghadapi beberapa masalah dalam usaha memastikan program pendidikan penjara berjalan lancar. Pelbagai usaha dilakukan pihak British bagi menghadapi isu tersebut meskipun tidak semua masalah berjaya diselesaikan. Objektif penulisan ini adalah untuk melihat apakah isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan program pendidikan penjara Pulau Pinang serta usaha mengatasinya. Penulisan artikel ini menggunakan pendekatan sejarah serta menggunakan kaedah kualitatif, untuk itu sebahagian besar sumber yang digunakan adalah sumber-sumber primer yang diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia. Antaranya seperti Fail Pejabat Tanah Jajahan Britain serta laporan-laporan tahunan bagi Jabatan Penjara seperti Report on the Prison Department in the Federation of Malaya. Analisis yang dilakukan mendapati, usaha British mengatasi masalah pendidikan di Penjara Pulau Pinang membuahkan hasil apabila kemudahan dan pengurusannya bertambah baik berbanding sebelumnya; sekaligus menjadikan tempoh 1941-1957 sebagai era perubahan pemulihan yang signifikan.*

Kata kunci : *Hukuman, Pemulihan, Banduan, Tatatertib, Wadar.*

Abstract: *The Penang Prison was the earliest prison in Malaya established by the British in 1790. Prisoners in the Penang Prison were the first convicts who had the earliest exposure to be given rehabilitation through prison education programs. After the Second World War, the concept of prisoner rehabilitation was first introduced, and the concept of punishment was stopped. Hence, education in prison is used as a major element to restore and provide a second chance for the prisoners to change. The British began to provide educational facilities in prisons by stages. However, the Penang Prison faced several problems in the effort to ensure prison education programs went smoothly. Various efforts were made by the British to deal with the issue although not all problems were resolved. The purpose of this paper is to see what the issues are arise from the implementation of the Penang Prison education program and its efforts to overcome it. The writing of this article uses a historical approach and uses qualitative methods, therefore most of the resources used are primary sources obtained from the National Archives of Malaysia. Among them are the British Colonial Office File and the Annual Reports of Prison Departments such as the Report on the Prison Department in the Federation of Malaya. The analysis found that the British efforts to overcome the problem of education at the Penang Prison resulted in better facilities and management than before; thus, making the period 1941-1957 as a significant era of change in rehabilitation.*

Keywords: *Punishment, Rehabilitation, Prisoner, Discipline, Warden.*

2019 JGBSE

Pengenalan

Pendidikan merupakan unsur yang penting bagi sesebuah negara melalui usaha membangunkan masyarakat yang cemerlang dalam pelbagai lapangan meliputi ekonomi, politik dan sosial. Pendidikan bukan sahaja dapat melahirkan insan yang berilmu dalam pelbagai bidang pengetahuan bahkan dapat membentuk insan yang memiliki nilai-nilai murni yang baik dalam kehidupan. Lazimnya, pendidikan di Malaysia dilaksanakan melalui sistem persekolahan di mana sekolah berperanan sebagai institusi yang penting dalam menyalurkan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Pendidikan yang dijalankan melalui sistem persekolahan ini tidak hanya terhad kepada pelajar tertentu sahaja sebaliknya telah diluaskan kepada semua peringkat. Di antaranya ialah sistem persekolahan yang dijalankan di penjara yang meliputi pelajar daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang. Di penjara, matlamat pendidikan yang diterapkan agak berbeza dengan persekolahan biasa di mana pendidikan yang diberikan adalah bertujuan untuk mendidik banduan menjadi insan yang lebih berdisiplin dan memiliki sedikit ilmu pengetahuan apabila mereka keluar kelak.

Menelusuri sistem persekolahan yang dijalankan di penjara, pendidikan tersebut sebenarnya telah diperkenalkan sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Di Pulau Pinang, penjaranya mula mengalami perkembangan pendidikan yang menggalakkan apabila transformasi konsep penjara yang baru iaitu daripada deraan dan hukuman telah ditukarkan kepada pemulihan dan rawatan. Hal ini secara tidak langsung telah mengangkat keperluan pendidikan sebagai salah satu instrumen penting bagi melancarkan dasar pemulihan banduan. Elemen pendidikan pada hakikatnya bermula sejak di awal penubuhan penjara lagi. Namun, pada masa itu, penekanan hanya diberikan terhadap pendidikan agama.¹

Bermula selepas Perang Dunia Kedua, pendidikan penjara semakin diberi penekanan seiring dengan perkembangan pentadbiran penjaranya. Pihak British telah meletakkan

pendidikan sebagai sebuah program yang utama. Perubahan yang paling signifikan dapat dilihat apabila pendidikan penjara telah dikembangkan dengan lebih serius pada tahun 1941. Pada masa ini, pihak British mula membina sekolah-sekolah penjara secara berperingkat, membina lebih banyak perpustakaan dan mempergiatkan usaha-usaha pembelajaran ketika banduan menjalani kehidupan di dalam penjara.² Usaha-usaha tersebut berterusan sehinggalah dalam tempoh selepas Perang Dunia Kedua, pihak British menggalakkan pendidikan penjara ke seluruh penjara Tanah Melayu dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan kelengkapan yang sesuai kepada para banduan yang mengikuti kelas-kelas di penjara.

Perkembangan Awal Pendidikan di Penjara Pulau Pinang

Sejak tahun 1849, selepas Penjara Pulau Pinang dibuka secara rasmi, tiada sebarang usaha pendidikan yang diberikan di penjara memandangkan fungsi utama penjara adalah untuk menghukum. Dalam tahap ini, fungsi banduan lebih ditumpukan untuk diberikan hukuman dengan melakukan kerja-kerja kerajaan. Namun begitu, pendidikan penjara telah mula dilaksanakan secara berperingkat apabila pihak pentadbiran menukar dasar penjaranya. Hal ini didorong oleh jumlah banduan yang semakin bertambah saban tahun sehinggakan pihak British merasakan pemulihan melalui aspek pendidikan adalah satu keperluan yang mendesak. Perubahan ini dibuat apabila pihak British mendapati kehidupan banduan yang menjalani hukuman adalah tidak produktif dalam pekerjaan penjara dan terdapat ruang untuk banduan merasa bosan memandangkan salah satu dasar penjara yang dijalankan sebelumnya adalah menghukum mental dan emosi banduan dengan merasa bosan. Hal-hal ini sebegini tidak mendatangkan manfaat kepada penjara dan secara tidak langsung mampu mengganggu keselamatan penjara. Oleh itu, melalui pendidikan yang diberikan di dalam penjara, secara langsung akan membentuk tabiat kerja yang lebih baik dan membendung sikap malas dalam kalangan banduan.³ Pada tahun 1900, Inspektor Penjara selaku jawatan tertinggi penjara mengumumkan tindakan pelaksanaan dasar ke arah pemulihan dan sekali gus mewajibkan pelaksanaan yang sama di Penjara Pulau Pinang. Walaupun boleh dikatakan pendidikan sebenarnya telah wujud sejak awal penubuhan penjara seperti pengajaran kerja-kerja buruh kasar seperti membuat batu bata, namun tidak banyak usaha yang dilakukan pihak penjara ketika itu. Dasar penjara pada masa itu lebih ke arah menghukum banduan berbanding memulihkan mereka. Pada tanggal 1941, bermulanya pemulihan di semua penjara Persekutuan Tanah Melayu dengan perhatian diberikan terhadap aspek pendidikan sebagai salah satu bentuk rawatan pemulihan kepada banduan.⁴

Permulaan kepada usaha ini dilaksanakan dengan membina sekolah penjara yang dilengkapi dengan kemudahan perpustakaan, kelas pendidikan akademik, pendidikan jasmani dan kelas pendidikan agama. Perubahan konsep pemulihan ini dinamakan Pemulihan Pendidikan (*Correctional Education*). Ia bermula di Penjara Pulau Pinang dengan penubuhan kelas-kelas vokasional dan akademik. Pendidikan akademik yang diperkenalkan pada tahap awal adalah lebih kepada memahami pelajaran asas iaitu membaca, menulis dan mengira. Pendidikan ini seterusnya berkembang menjadi pendidikan yang lebih formal dengan penekanan mula diberikan kepada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Seterusnya, pendidikan vokasional diberikan sebagai tambahan terhadap kelas pendidikan vokasional dengan pengkhususan terhadap kemahiran dan pengetahuan asas industri.

Di samping itu, pihak British berusaha memberikan pendidikan kepada banduan dengan memperuntukkan sekolah penjara. Sekolah penjara ini telah dikelolakan oleh tenaga pengajar yang dihantar oleh Jabatan Pelajaran. Banduan-banduan hukuman panjang diwajibkan untuk mengikuti kelas-kelas pendidikan yang disediakan manakala penyertaan banduan hukuman

pendek pula bergantung kepada arahan pihak pentadbiran penjara.⁵ Perubahan ini menjadikan kehidupan banduan itu secara tidak langsung berubah daripada kerja buruh kasar menjadi buruh industri. Perubahan ini terus berlaku dengan cepat sehingga tahun 1957 dengan penyediaan pendidikan yang berterusan di samping pendidikan lain seperti pendidikan vokasional.

Dasar Kerajaan Terhadap Pendidikan di Penjara

Dalam melaksanakan program pendidikan penjara, terdapat objektif yang ingin dicapai oleh pihak British yang selaras dengan konsep rawatan dan pemulihan terhadap banduan agar matlamat dan sasaran program dapat dilaksanakan dengan berkesan. Program ini bertujuan memberikan galakan dan peluang kepada banduan untuk berubah dengan memupuk tabiat kerja yang baik dalam diri banduan.⁶ Melalui penekanan objektif ini, matlamat utama program latihan adalah untuk membolehkan banduan membina semula jati diri yang lebih bertanggungjawab dan berdikari dalam menjalani kehidupan seharian. Banduan yang layak mendapat hak pendidikan ini merupakan banduan muda dan mendapat tempoh hukuman yang panjang. Kelas pendidikan yang diperkenalkan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada banduan. Sebagai contoh, pada tahun 1947, terdapat seramai 115 orang banduan telah memohon untuk menghadiri kelas penjara. Namun begitu, hanya 93 orang banduan yang berumur dalam lingkungan 19-35 tahun dibenarkan oleh Pesuruhjaya Penjara *Malayan Union* untuk mengikuti kelas tersebut. Daripada jumlah itu, 44 daripadanya adalah terdiri daripada orang Cina, 21 orang Melayu, dua orang berbangsa Sikh, 19 orang berbangsa Jepun dan tujuh orang Siam. Kesemua mereka merupakan banduan hukuman lama dan masih mempunyai tempoh hukuman penjara melebihi dua tahun lagi.⁷ Pemilihan dalam aspek umur dan tempoh hukuman bertujuan memastikan pembelajaran pendidikan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Kebiasaannya, setiap kelas dijalankan mengikut jadual yang telah disediakan. Melalui arahan daripada Penguasa Kanan Penjara Taiping, selaku ketua bagi semua penjara di Negeri-Negeri Selat, kelas pendidikan penjara hanya boleh dijalankan bermula jam 4.30 petang sehingga 8.30 malam iaitu dari hari Isnin hingga Jumaat.⁸ Penetapan waktu ini dibuat bagi memberi laluan kepada program lain seperti kerja-kerja buruh banduan serta menyediakan waktu dan ruang kepada banduan untuk berehat selepas waktu bekerja. Dalam hal ini bagi kelas pendidikan di Penjara Pulau Pinang, ia memulakan sesi pembelajarannya pada jam 6.00 petang sehingga 8.00 malam.⁹ Pembahagian kelas kepada dua kumpulan juga dilakukan ekoran jumlah banduan yang begitu ramai.

Semasa sesi pembelajaran berlangsung, aspek disiplin amat dititikberatkan dalam kalangan banduan dan mereka terikat dengan peraturan dan tata tertib yang ketat. Penekanan terhadap disiplin adalah penting bagi membentuk sikap, nilai, etika dan tingkah laku banduan. Pelanggaran tata tertib dalam kelas pendidikan akan menyebabkan banduan dilucutkan hak istimewa. Hak istimewa ini merujuk kepada hak banduan untuk mendapatkan pendidikan dan hak untuk membenarkan banduan untuk mendapat hasil pendapatan dalam penjara yang sebahagiannya dapat digunakan apabila mereka bebas nanti. Kebiasaannya, kesilapan dan kesalahan yang dilakukan banduan sepanjang sesi pembelajaran akan direkodkan dan dikenakan denda oleh guru ataupun ditarik hak keistimewaan. Sekiranya banduan melakukan kesalahan yang lebih serius, banduan tersebut akan dikeluarkan dari sekolah selama enam bulan. Dalam tempoh ini, sekiranya banduan tersebut tidak melakukan sebarang kesalahan serius, maka beliau boleh kembali ke sekolah. Namun begitu, jika banduan tersebut melakukan kesalahan kali kedua selepas kembali ke sekolah, beliau akan dilucutkan hak untuk menghadiri kelas selama 12 bulan. Banduan tersebut hanya boleh meneruskan pembelajaran di sekolah

sekiranya beliau tidak terlibat dengan kesalahan serius dalam tempoh 12 bulan tersebut. Walau bagaimanapun, jika banduan tersebut melakukan kesalahan serius buat kali ketiga, beliau akan terus digantung persekolahan. Dalam hal ini, hanya Penguasa Penjara sahaja yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan berkenaan dengan kes penggantungan tersebut.¹⁰

Kebiasaannya, kesalahan tatatertib yang sering dilakukan oleh banduan adalah seperti melibatkan diri dengan pergaduhan sehingga menyebabkan kekecohan dan rusuhan.¹¹ Berdasarkan penelitian, hukuman pelucutan hak untuk mendapatkan pendidikan yang dikenakan kepada banduan adalah rendah. Menurut *Report of the Prisons Department Federation of Malaya for the Years 1953 and 1954*, antara hukuman yang paling banyak dikenakan kepada banduan yang melanggar tatatertib penjara adalah dikurangkan menu diet makanan mereka. Hukuman ini dianggap ringan jika dibandingkan dengan hukuman yang lain¹² seperti sebatan dan pelucutan hak istimewa. Berdasarkan laporan, hukuman pelucutan hak istimewa merupakan hukuman yang paling rendah sekali yang diterima oleh banduan. Laporan ini juga menyebut bahawa banduan sebenarnya amat menghargai hak istimewa yang diberikan kepada mereka.¹³

Kurikulum di Sekolah Penjara

Pendidikan Akademik

Pendidikan akademik merangkumi sebahagian daripada kurikulum di sekolah penjara.¹⁴ Di sekolah-sekolah ini, tumpuan diberikan kepada mata pelajaran peringkat sekolah rendah seperti menulis, membaca dan mengira. Penekanan terhadap aspek ini adalah bertujuan untuk membasmi masalah buta huruf dalam kalangan banduan.¹⁵ Di sekolah penjara, antara bahan pengajaran utama yang digunakan dalam proses pengajaran ialah buku *Oxford English Course, Second Year-Forth Year* untuk subjek Bahasa Inggeris dan buku *New Method Malayan Reader IV* untuk subjek Bahasa Melayu. Bahan bacaan ini membantu banduan yang kebanyakannya tidak mempunyai latar belakang pendidikan untuk mula mempelajari kemahiran bahasa yang diperlukan¹⁶

Kebanyakan banduan yang ditempatkan di penjara memberikan sambutan yang menggalakkan terhadap kelas pendidikan sehingga mendorong pihak penjara menambah beberapa bahan bacaan yang diperlukan oleh banduan. Sebagai contoh, pada tahun 1947, Penguasa Penjara Pulau Pinang pernah membuat permohonan kepada Pesuruhjaya Penjara *Malayan Union* untuk mendapatkan bahan bacaan tambahan sebagaimana yang dimiliki oleh Penjara Taiping. Permohonan ini telah diluluskan oleh Pesuruhjaya Penjara *Malayan Union*. Antara buku-buku asas bacaan Bahasa Inggeris yang diperlukan ialah *Nelson Malaya Reader, Book I* oleh H. R. Cheeseman & J. D. Joseph, *Look and Read, Part 1, For Pupil First Primer* oleh R. Duncan, *Malayan Speech Course, Part 1* oleh Michael West & H. R. Cheeseman dan buku *Direct Reader* oleh George Robb.¹⁷ Manakala bagi kegunaan kelas mengeja pula, buku keluaran *Loan Head Spelling Book*, Buku 1-2 dijadikan sebagai bahan asas rujukan. Bahan bacaan tambahan untuk aktiviti kelas membaca pula menggunakan buku-buku seperti *The Primary School Grammar* oleh J. S. Chalmers, *First Aid in English* oleh A. Maciver, *First Aid in English Class Reader* oleh A. Maciver dan *Selections for Silent Reading* oleh R. H. Morgan & T. G. Nicholson. Berdasarkan laporan, sambutan terhadap kelas Bahasa Inggeris mendapat sambutan yang baik dalam kalangan banduan tidak mengeja bangsa.¹⁸

Sementara itu, bagi subjek Bahasa Melayu pula, antara bahan bacaan asas Bahasa Melayu yang digunakan sebagai buku rujukan dalam kelas pada tahun 1947 ialah "*Beneh Akal*", "*Baja Akal*", "*Suloh Bachaan*" dan "*Jolong Bachaan*".¹⁹ Buku-buku ini merupakan bahan pengajaran bagi aktiviti membaca Darjah Satu di dalam penjara. Kelas membaca ini amat

membantu banduan untuk mengenal huruf memandangkan kebanyakan mereka tidak pandai membaca. Dalam hal ini, sesi pembelajaran Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu amat ditekankan oleh pihak British. Penekanan terhadap Bahasa Melayu adalah penting memandangkan sejak tahun 1953-1954, pengetahuan dalam Bahasa Melayu diperlukan bagi membolehkan seseorang itu memohon kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu.²⁰ Oleh itu, pendidikan dalam Bahasa Melayu memainkan peranan penting bagi membolehkan banduan memohon warganegara Persekutuan Tanah Melayu.

Berdasarkan laporan penjara pada tahun 1951 dan 1952, hampir semua banduan memberi sokongan kepada penubuhan sekolah penjara dan kebanyakan mereka memberikan tindak balas yang baik terhadap pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.²¹ Sehingga tahun 1954, buku-buku bacaan untuk subjek Bahasa Melayu seperti "*Jolong Bachaan*" dan tambahan buku lain seperti "*Tijah Pergi Pasar*" telah dicetak semula. Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan Bahasa Melayu mendapat sambutan yang menggalakkan dan tidak ketinggalan juga bagi buku subjek Bahasa Inggeris.²²

Selain buku bacaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, buku bahan bacaan bagi Bahasa Cina turut diberikan kepada banduan. Namun begitu, bahan bacaan yang dibekalkan kepada banduan ini dikawal sepenuhnya oleh pihak penjara. Dalam hal ini, pihak penjara hanya membenarkan buku yang bertemakan pendidikan, kisah cinta, buku cerita karya klasik China, sejarah China dan beberapa buah buku lain yang berkaitan. Sebaliknya, bahan bacaan yang bertemakan kisah detektif, pengintip, jenayah dan politik tidak dibenarkan sama sekali untuk diletakkan di perpustakaan penjara. Malahan terdapat beberapa buah buku yang mempunyai unsur-unsur sedemikian telah ditarik balik daripada perpustakaan penjara di Pulau Pinang. Tindakan ini dibuat bagi memastikan banduan tidak diresapi atau dipengaruhi sebarang ideologi menentang British atau yang boleh merosakkan pemulihan banduan.²³

Pendidikan Vokasional dan Latihan

Selain pendidikan akademik, pendidikan vokasional dan latihan turut diberikan kepada banduan. Kebanyakan banduan didapati tidak mempunyai pekerjaan tetap dan terdiri daripada golongan penganggur. Justeru, program vokasional dan latihan ini memberikan ilmu kemahiran industri dalam usaha membantu pemulihan banduan. Kelas vokasional penjara kebanyakannya memberi tumpuan terhadap aspek perusahaan dan industri penjara. Sepanjang sesi pembelajaran, banduan digalakkan untuk menghasilkan produknya sendiri. Tujuannya adalah untuk menghasilkan banduan yang lebih produktif dengan harapan para banduan ini kelak akan diletakkan di dalam sektor pekerjaan tertentu setelah berakhirnya kelas vokasional. Terdapat sekurang-kurangnya dua orang guru sekolah vokasional yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar banduan pelbagai ilmu kemahiran. Antaranya ialah seperti pertukangan kayu, kasut, perusahaan besi, rotan, tembaga, penghasilan tikar renda, penenunan kain, mencuci kain, membakar roti, membuat tali, menjilid buku, mencetak buku, menjahit patung,²⁴ seni foto, pembinaan dan membaiki kereta.²⁵ Melalui ilmu kemahiran ini, secara langsung dapat membantu banduan untuk mempraktikkan kemahiran yang dimiliki apabila mereka bebas daripada penjara serta memudahkan mereka untuk mencari pekerjaan dan diterima masyarakat.

Menyedari bahawa kelas vokasional memainkan peranan penting dalam aspek pemulihan banduan, maka pihak British telah menjalankan beberapa usaha bagi memastikan pendidikan vokasional dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Dalam hal ini, prosedur-prosedur kelas dan bengkel pertukangan telah diperbaharui supaya hasil-hasil kerja tangan dan produk yang dihasilkan banduan berupaya meningkatkan tahap kecekapan dan berdikari. Bagi meningkatkan lagi tahap keberkesanan pendidikan vokasional, pengujian jurulatih dan latihan

terhadap banduan telah dilaksanakan. Beberapa kemudahan pendidikan vokasional seperti peralatan dan jentera serta sistem seragam bagi kelas perusahaan telah disediakan di seluruh penjara Persekutuan Tanah Melayu. Perkembangan pendidikan vokasional ini juga dilihat terus berkembang dengan baik apabila pelbagai perusahaan baru telah didedahkan kepada banduan seperti perusahaan membuat jala, di samping perusahaan pertanian seperti penanaman padi, sayuran dan penternakan.²⁶

Pendidikan vokasional yang diberikan memberi peluang kepada banduan untuk menguji tahap kecekapan mereka. Kebiasaannya, apabila banduan selesai mempelajari teori, mereka kemudiannya akan menghadiri kelas secara praktikal yang akan menguji tahap kecekapan mereka. Banduan yang mengikuti kelas vokasional dengan jayanya akan diberikan sijil sebagai lambang pengiktirafan terhadap kemampuan dan kebolehan mereka dalam bidang tersebut. Di samping itu, pemberian sijil ini juga dapat memudahkan banduan untuk mencari pekerjaan yang sesuai sekiranya dibebaskan hukuman penjara.²⁷ Dalam hal ini, jelas dilihat bahawa pendidikan vokasional membantu dalam melahirkan banduan yang terlatih dan memiliki kemahiran-kemahiran tertentu yang boleh digunakan dalam alam pekerjaan apabila mereka keluar dari penjara kelak.

Selain membekalkan ilmu dan kemahiran, pendidikan vokasional juga dapat membantu dalam usaha pemulihan banduan serta membentuk sahsiah yang lebih baik. Kebanyakan banduan yang menyertai kelas pendidikan vokasional didapati memberikan komitmen dan menunjukkan rasa tanggungjawab yang baik. Di samping itu, pengenalan kelas vokasional juga telah menyumbang kepada peningkatan produk dan kualiti barangan di penjara. Hal ini dapat dibuktikan melalui Laporan Industri Penjara pada tahun 1952 yang menyatakan bahawa kuantiti dan kualiti produk yang dihasilkan di penjara dilaporkan semakin meningkat dan bertambah baik. Pertambahan kualiti dan kuantiti produk turut memberi kesan terhadap sumber pendapatan penjara. Dilaporkan sumber pendapatan yang diperolehi semakin meningkat iaitu daripada \$54, 713.45 pada tahun 1951 kepada \$148, 987.00 pada tahun 1952. Peningkatan yang positif ini adalah seiring dengan penurunan kadar kemasukan semula banduan ke dalam penjara pada tahun itu. Dilaporkan pada tahun 1952, purata kemasukan banduan ialah sebanyak 3076.95 dan angka ini nampaknya mengalami penurunan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 3475.86.²⁸ Pendedahan pendidikan vokasional ini secara tidak langsung mengurangi kadar residivisme penjara disebabkan banduan yang mampu berdikari dan melibatkan diri dengan perusahaan tertentu. Oleh itu, usaha British memulihkan banduan melalui pendidikan vokasional penjara dilihat membuahkan hasil dengan memupuk nilai komited dan disiplin dalam peribadi banduan, menyediakan sijil kemahiran yang boleh digunakan jika dibebaskan, sekaligus menyumbang kepada pendapatan penjara melalui penghasilan produk perusahaan dan perindustrian.

Pendidikan Keagamaan

Selain pendidikan vokasional, pendidikan agama juga merupakan salah satu aspek yang ditekankan oleh pihak British sebagai alat pemulihan kepada banduan. Penekanan terhadap aspek ini penting bagi membentuk peribadi banduan. Hal ini disebabkan kekurangan ilmu agama dan tiada kesedaran sivik akan menyebabkan seseorang itu memilih untuk melakukan dosa sehingga melibatkan diri dalam perlakuan jenayah. Pada peringkat awal penubuhan penjara, pihak British telah menghantar guru agama Kristian ke penjara bagi mendidik banduan. Walau bagaimanapun, kepelbagaian agama dan bangsa banduan yang ditempatkan dalam penjara telah mendorong pihak British menyediakan guru agama mengikut pelbagai jenis agama. Dalam hal ini, kelas pendidikan agama telah diwajibkan kepada setiap banduan mengikut agama yang dianuti seperti agama Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Selain itu,

terdapat juga penceramah-penceramah agama secara separuh masa yang dibawa masuk ke penjara bagi membentuk sahsiah dan rohani banduan sebagai salah satu cara pemulihan.

Sebagai contoh, bagi banduan yang menganuti agama Islam, seorang imam akan dilantik untuk membimbing mereka dengan didikan agama dan keislaman.²⁹ Kehadiran imam ini adalah secara rutin dan berjadual ke penjara. Kebiasaannya, imam atau guru agama akan datang ke penjara pada hari Jumaat. Sesi pembelajaran akan dijalankan di blok-blok banduan mengikut jadual yang ditetapkan oleh British dan akan dipantau oleh *Gaoler* bagi memastikan sesi pembelajaran dijalankan dengan baik. Kurikulum pendidikan agama Islam di penjara adalah berteraskan kepada Jabatan Penjara dan bahan-bahan pengajarannya disediakan oleh pihak British. Di samping itu, solat secara berjemaah turut dijalankan walaupun bukan semua banduan mematuhinya.³⁰

Dalam kelas pendidikan agama, banduan yang dilihat berpotensi dan menunjukkan peningkatan yang baik akan dipilih menjadi imam kepada banduan lain. Pemilihan imam ini akan dibuat oleh guru agama. Lazimnya, banduan yang terpilih sebagai imam akan dipantau oleh pihak penjara bagi mengelakkan beliau menyebarkan ideologi komunis dan idea-idea yang tidak sepatutnya. Pengenalan pendidikan agama di penjara mendapat sokongan daripada ramai pihak. Hal ini dapat dilihat pada tahun 1950 di mana banyak pihak yang tampil menyampaikan sumbangan dan derma berupa Al-Quran di seluruh penjara Tanah Melayu.³¹

Sementara itu, bagi pendidikan agama lain seperti Buddha, Hindu, Kristian dan Sikh, para banduan akan mengikuti kelas atau ceramah keagamaan mereka yang disampaikan oleh paderi secara sukarela. Sesi pembelajaran dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu. Paderi-paderi yang datang ke penjara memberikan pendidikan secara percuma dan berkhidmat secara sukarela di penjara. Lazimnya, paderi Kristian akan mengadakan lawatan ke penjara pada hari Ahad manakala bagi paderi Roman Katolik pula pada hari Isnin dan Ahad pada setiap bulan.³²

Silibus dan sesi pembelajaran setiap kelas pendidikan agama adalah bertujuan untuk membentuk sikap, akhlak dan moral yang lebih baik dalam kalangan banduan. Kehadiran golongan agamawan ke penjara dengan tidak mengharapkan sebarang bayaran mencerminkan sokongan mereka terhadap pemulihan banduan di dalam penjara. Walaupun secara hakikatnya, golongan agamawan ini berhadapan dengan banduan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, namun kesungguhan mereka dalam memberikan pendidikan telah memberi sumbangan yang besar dalam mempengaruhi perubahan tingkah laku banduan ke arah pemulihan tingkah laku sosial yang lebih baik. Oleh itu, pendidikan agama memainkan peranan penting sebagai bimbingan dalam membentuk sikap dan akhlak yang baik dalam membenteng banduan daripada terus melibatkan diri dengan kesalahan (dosa) sebagaimana yang dianuti dalam kepercayaan semua agama.

Isu-isu dalam Pendidikan di Penjara

Umumnya, pendidikan merupakan satu bahagian yang penting dalam pembangunan sosial serta mempunyai nilai terapeutik dan pengajaran. Pendidikan juga adalah salah aspek yang penting dalam program pemulihan banduan di penjara. Meskipun begitu, wujud beberapa kelemahan dalam usaha memastikan fungsi pemulihan banduan dapat dilaksanakan secara berkesan. Sejak pihak British memperkenalkan pendidikan penjara sebagai salah satu program pemulihan, terdapat beberapa masalah yang timbul seperti masalah kekurangan guru sekolah penjara, pertindihan tugasan, kekurangan infrastruktur, kakitangan yang tidak berpengalaman dan ruang penjara sempit yang tidak menggalakkan suasana pembelajaran.

Kekurangan Guru Sekolah Penjara

Antara kelemahan utama dihadapi British untuk melaksanakan pendidikan penjara adalah kekurangan tenaga penjara sebagai guru sekolah penjara. Walaupun secara rasminya, pendidikan formal telah diwujudkan semenjak tahun 1941, namun sehingga tahun 1949, Jabatan Penjara hanya mempunyai enam orang guru bagi menguruskan sekolah-sekolah penjara. Empat daripadanya merupakan guru Bahasa Inggeris dan ditempatkan secara berjadual di Penjara Taiping, Pulau Pinang dan Johor Bharu manakala dua orang lagi guru yang mengajar Bahasa Melayu dan Bahasa Cina ditempatkan di Penjara Muar. Hal ini berlaku disebabkan kekurangan kakitangan yang berpengalaman untuk mengajar. Tambahan pula, syarat keperluan akademik yang agak tinggi dengan prosedur yang ketat menyebabkan kurangnya calon yang memohon untuk menjadi pengajar. Dalam hal ini, pihak British amat menekankan individu yang layak dan berkebolehan sahaja untuk diterima sebagai tenaga pengajar di sekolah penjara dalam bidang akademik, vokasional dan latihan. Hal ini disebabkan guru-guru di sekolah penjara bukan sahaja bertanggungjawab untuk mengajar ilmu pendidikan tetapi berperanan dalam pembentukan disiplin dan tingkah laku banduan untuk memastikan pemulihan dapat dilaksanakan.

Walaupun terdapat usaha yang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar, namun usaha tersebut tidak membuahkan hasil. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Pulau Pinang sendiri telah mengambil inisiatif dengan mencari calon-calon yang berkelayakan dan berkebolehan untuk dilantik sebagai tenaga pengajar. Walau bagaimanapun, jawatan tersebut masih tidak dapat dipenuhi ekoran ketiadaan calon yang sesuai dalam bidang yang berkaitan. Kekangan ini menyebabkan pendidikan penjara tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Jumlah kekurangan guru yang sangat kritikal ini memberikan kesan terhadap kelangsungan pengajaran kelas, bahkan syarat yang ketat dan tugas yang mencabar iaitu mengajar dalam persekitaran penjara yang mencabar menyukarkan pihak British mendapatkan kakitangan yang terlatih dan mencukupi.

Pertindihan Tugas di Antara Tenaga Pengajar dan Kakitangan Penjara

Selain masalah kekurangan guru sekolah penjara, berlaku juga masalah pertindihan tugas di antara guru sekolah dengan kakitangan penjara yang lain seperti *gaoler*. Selain perlu mengajar di kelas pendidikan, guru sekolah penjara juga dikategorikan sebagai *gaoler* yang berjawatan seperti Ketua Wadar. Oleh itu, di samping mengajar, kawalan dan pemantauan terhadap banduan juga terletak pada tanggungjawab guru sekolah. Hal ini menjadikan beban tugas guru sekolah semakin meningkat. Sementara itu, bagi wadar-wadar penjara pula, mereka terpaksa menjalankan tugas-tugas pentadbiran yang sebenarnya tidak berada di dalam skop kerja mereka. Situasi ini berlaku disebabkan kekurangan kakitangan pentadbiran seperti kerani dalam menjalankan tugas seperti menaip, menguruskan surat-menyurat, penterjemahan dan beberapa tugas lain. Di bawah urusan perkeranian ini, banyak masa dan tenaga diperlukan bagi mengendalikan urusan pentadbiran penjara.

Dalam masa yang sama, wadar penjara juga tidak menang tangan dalam mengendalikan pemantauan dan penyeliaan banduan. Kekurangan kakitangan ini secara tidak langsung telah mengurangkan kadar keberkesanan pelaksanaan peraturan dan undang-undang penjara yang ditetapkan. Tugas mengajar dan mengawal banduan secara tidak langsung telah terjejas akibat pertindihan tugas pentadbiran dan pendidikan. Bagi bahagian pengawalan dan pengurusan banduan pula, keadaannya lebih serius ekoran kebanyakan anggota penjara yang ditugaskan bagi mengawal disiplin dan keselamatan banduan adalah terdiri daripada kakitangan yang tidak dilatih dengan penguatkuasaan undang-undang penjara.³³ Kekurangan

kakitangan terlatih menyebabkan proses pendidikan di penjara sedikit terganggu. Hal ini disebabkan tugas dan tanggungjawab wadar penjara bukan semata-mata bergantung kepada penguatkuasaan peraturan dan undang-undang sahaja tetapi juga mendidik banduan menjadi lebih berdisiplin dalam menjalani kehidupan di penjara.³⁴

Kekurangan Kemudahan dan Kelengkapan di Penjara

Dalam melaksanakan pendidikan penjara, kekurangan kemudahan dan kelengkapan menjadi antara faktor yang merencatkan kelancaran kelas pendidikan di sekolah penjara. Dalam hal ini, limitasi bahan pembelajaran terutamanya buku rujukan tambahan di perpustakaan sekolah dilihat begitu ketara. Meskipun Jabatan Pendidikan dengan kerjasama pihak penjara telah membekalkan buku teks kepada banduan sebagai bahan rujukan asas, namun jumlah buku yang diberikan tidak mencukupi.³⁵ Selain itu, kelengkapan lain seperti kerusi, meja, buku latihan dan papan tulis juga tidak mencukupi.³⁶ Kekurangan kemudahan dan peralatan dalam kelas vokasional dan latihan sekali gus memudahkan minat dan keinginan banduan untuk mendapatkan pendidikan. Di samping itu, timbul juga beberapa masalah lain yang melibatkan kerosakan mesin jentera penjara. Kerosakan ini memerlukan tempoh yang agak lama untuk diperbaiki dan diselenggara. Keadaan ini diburukkan lagi apabila pihak British turut menghadapi masalah kewangan untuk memperbaiki peralatan yang memerlukan kos perbelanjaan yang tinggi. Selain itu, berlaku juga masalah kekurangan bahan mentah yang diperlukan bagi tujuan perusahaan industri penjara. Hal ini secara tidak langsung telah mengurangkan produktiviti banduan.³⁷

Di samping itu, ruangan yang sempit dan saiz kelas yang kecil merupakan salah satu lagi masalah yang terpaksa dihadapi oleh pihak penjara. Pihak penjara pada masa itu menghadapi masalah kewangan bagi menampung kos pembinaan dan penambahan ruang penjara yang lebih luas. Hal ini ditambah pula dengan peningkatan jumlah banduan yang dihukum penjara untuk tempoh yang lama di bawah Undang-undang Darurat. Situasi ini telah memberikan kesan terhadap sesi pembelajaran dan pengajaran di kelas. Dalam hal ini, ruangan yang sempit menyebabkan banyak sesi pembelajaran bagi semua kelas vokasional tidak dapat dijalankan serentak. Kelemahan ini secara tidak langsung menyebabkan proses pembelajaran tergendala. Hal ini juga menimbulkan perasaan bosan dalam kalangan banduan ekoran mereka tidak mempunyai sebarang aktiviti sehingga membawa kepada lebih tenaga buruh banduan dan persaingan sesama banduan bagi mendapatkan program pekerjaan yang berkaitan. Akhirnya, banduan hanya duduk menganggur tanpa melakukan sebarang kerja.³⁸

Selain itu, ruangan yang sempit turut menyebabkan berlakunya kesesakan dalam penjara. Hal ini turut menyebabkan pergerakan banduan semakin terbatas dan berikutnya menimbulkan ancaman dan pergaduhan sesama mereka.³⁹ Disebabkan kesesakan yang melampau ini, pihak British mengambil langkah dengan memindahkan banduan ke penjara lain yang lebih besar. Sebagai contoh, banduan yang ditempatkan di penjara Pulau Pinang telah dipindahkan ke penjara yang lebih besar iaitu penjara Taiping. Dalam hal ini, banduan yang tidak diberikan pekerjaan industri di penjara Pulau Pinang telah dipindahkan ke penjara Taiping yang mempunyai ruangan seksyen industri yang lebih luas dengan kemudahan yang lebih baik dan mencukupi.⁴⁰ Selain penjara Taiping dan Batu Gajah, banduan-banduan dari penjara Pulau Pinang turut dipindahkan ke penjara Kuala Lumpur. Pemindahan ini biasanya dilaksanakan apabila jumlah banduan di penjara Taiping dan Batu Gajah didapati penuh. Kebanyakan banduan yang sering dipindahkan ini merupakan banduan dari hukuman lama. Pemindahan ini terpaksa dilakukan sementara menanti berakhirnya waktu hukuman penjara banduan.

Pelanggaran Tata tertib dalam Kelas

Masalah tata tertib merupakan salah satu lagi masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbiran penjara di Pulau Pinang. Dalam hal ini, kesalahan tata tertib semasa di dalam kelas penjara seperti pergaduhan, rusuhan, kehilangan barang, kecurian, kelalaian dan tiada tanggungjawab sering berlaku di dalam penjara.⁴¹ Dilaporkan terdapat banyak kecurian yang berlaku di dalam penjara yang melibatkan barang-barang kepunyaan banduan. Hal ini dapat dilihat pada tahun 1948 apabila terdapat banyak kes mengenai kehilangan peralatan asas seperti papan tulis dan buku teks. Kehilangan barang menyebabkan pergaduhan sering berlaku di dalam kelas dan hal ini secara tidak langsung dianggap sebagai melanggar peraturan dan etika tata tertib yang ditetapkan. Kehilangan barang milik banduan bukan sahaja terjadi disebabkan kecurian, namun turut berlaku semasa terjadinya pergaduhan sesama banduan. Hal ini dapat dilihat pada tahun 1947 hingga 1948 apabila terdapat laporan mengenai beberapa kes banduan yang kehilangan papan tulis selepas terlibat dalam pergaduhan di dalam bengkel. Selain itu, kegagalan menghadiri kelas pendidikan tanpa sebab yang munasabah juga dikira sebagai melanggar tata tertib.⁴² Masalah tata tertib dalam kalangan banduan ini menyukarkan pihak penjara untuk mengawal mereka. Usaha untuk memastikan kelas pendidikan berjalan dengan lancar agak sukar memandangkan pelajar-pelajar kelas yang diajar bukanlah merupakan individu yang normal tetapi terdiri dalam kalangan individu yang bermasalah dan sukar untuk dikawal secara norma.

Ketidakhadiran Banduan ke Kelas

Satu lagi masalah yang turut berlaku di penjara adalah melibatkan tumpuan dan fokus banduan dalam proses pembelajaran. Dalam hal ini, proses pembelajaran sedikit terganggu apabila banduan perlu menghadiri sesi perbicaraan di mahkamah dan menyebabkan mereka tidak dapat hadir ke kelas. Malahan setiap kali selesai menghadiri sesi perbicaraan di mahkamah, banduan perlu menjalani proses pengasingan untuk tempoh tertentu sebelum dibenarkan mengikuti sesi persekolahan. Situasi yang sama juga dapat diperhatikan semasa banduan mendapatkan rawatan di hospital yang memakan masa yang lama dan menyebabkan mereka ketinggalan dalam sesi pembelajaran. Sebagai contoh, pada tahun 1948, seramai lapan orang banduan tidak dapat hadir dalam tempoh yang agak lama iaitu selama dua ke 18 hari. Ketidakhadiran ini melibatkan seramai tujuh orang banduan yang mendapatkan rawatan di hospital manakala seorang lagi banduan berada dalam sel tahanan dan tidak dapat menghadirkan diri.⁴³ Hal-hal seperti ini menyebabkan proses pembelajaran akan terganggu. Ini merupakan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan memandangkan kebanyakan banduan hukuman lama yang mengikuti kelas pendidikan akan terlibat dengan pemeriksaan hospital mahupun proses perbicaraan mahkamah.

Usaha-usaha Mengatasi Kelemahan yang Wujud dalam Pendidikan di Penjara

Dalam usaha British melaksanakan pendidikan sebagai fungsi pemulihan, beberapa usaha dan inisiatif telah diambil bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang timbul dalam aspek pendidikan di penjara. Di antaranya ialah seperti penyediaan kursus dan latihan, mewujudkan jawatan baru dan menyediakan peruntukan bagi membiayai kemudahan penjara.

Latihan dan Kursus kepada Kakitangan Penjara

Dalam usaha mengatasi masalah kakitangan tidak berpengalaman, pihak British telah menghantar beberapa kakitangan penjara untuk mengikuti kursus dan latihan kecekapan.

Kursus ini diberikan kepada guru sekolah vokasional dan latihan.⁴⁴ Semua kakitangan penjara yang terpilih akan dihantar ke pusat latihan penjara di Taiping dan Batu Gajah Perak. Terdapat juga kakitangan yang dihantar berkursus ke Pusat Institusi Rawatan dan Pemulihan di luar negara seperti Jepun atau Britain. Jangka masa yang telah ditetapkan bagi pegawai menjalani latihan adalah selama tiga hingga enam bulan bergantung kepada jenis industri penjara yang diceburi. Sebagai contoh di Batu Gajah Perak, pada tahun 1947, sejumlah 50 orang kakitangan termasuk wadar dan sub wadar direkrut di Sekolah Latihan dan diajar dengan pengetahuan menggerudi (*drill*), rutin penjara dan undang-undang penjara. Kapten I. Cronyn selaku Inspektor Penjara yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal penyediaan wadar berpengetahuan menyatakan komitmen sepenuhnya akan diberikan dalam usaha menyediakan lebih banyak kakitangan yang berkualiti.⁴⁵

Dalam usaha merekrut pengajar, pengkhususan dan pengalaman tertentu dalam bidang industri lebih diberikan keutamaan berbanding aspek kelayakan akademik pengajar.⁴⁶ Hal ini berbeza dengan pengajar bagi bidang akademik dengan pengkhususan dan syarat yang dikenakan agak ketat. Dalam hal ini, pihak penjara amat menitikberatkan pemilihan guru sekolah yang berpengetahuan tinggi dalam bidang industri. Hal ini penting memandangkan guru sekolah vokasional berfungsi sebagai ejen pemulihan yang penting dalam pendidikan penjara. Untuk tujuan itu, pihak British telah membawa masuk seorang Jurulatih Perdagangan Kanan (*Senior Trade Instructor*) bagi melatih semua pengajar sama ada dalam bidang industri, perdagangan dan pertukangan. Jurulatih ini dipertanggungjawabkan untuk merekrut pengajar-pengajar supaya menjadi lebih cekap dan mahir dalam aspek teknikal dan kemahiran.⁴⁷

Sementara itu, bagi memenuhi keperluan guru pendidikan akademik pula, sebahagian besar Pembantu Wadar Perdagangan dari Kelas III telah direkrut sebagai tenaga pengajar. Kebanyakan mereka merupakan kakitangan pendidikan penjara dan direkrut bagi menampung kekurangan tenaga pengajar di penjara. Secara rasminya, pada tahun 1952, jawatan Pembantu Wadar yang berstatus separuh masa ini ditukar kepada jawatan sepenuh masa menjadi kakitangan penjara profesional. Mereka juga diletakkan dalam posisi sebagai Pegawai Perkhidmatan Awam dengan jaminan perkhidmatan bergantung kepada tahap disiplin, kecekapan dan kecergasan fizikal individu.

Dalam usaha untuk meningkatkan jumlah tenaga pengajar di penjara, pihak British turut memberikan galakan kepada semua golongan daripada pelbagai bangsa untuk terlibat sebagai tenaga pengajar di penjara. Dalam hal ini, beberapa pegawai berbangsa Melayu, India dan Cina telah direkrut dan menjalani beberapa peringkat ujian. Calon yang berpotensi dan dilihat mempunyai kelayakan yang ditetapkan akan dipilih untuk menjalani latihan di sekolah latihan. Jawatan Wadar dan Sub Wadar ini memerlukan calonnya menjalani kursus dan latihan di Sekolah Latihan Batu Gajah dengan syarat lulus peperiksaan yang telah ditetapkan termasuklah mempunyai pengetahuan mengenai adat dan budaya masyarakat Melayu.⁴⁸ Sekiranya mereka gagal dalam peperiksaan tersebut, mereka akan berhadapan dengan tindakan dibuang daripada sekolah latihan. Walau bagaimanapun, sekiranya keputusan peperiksaan calon agak memuaskan, mereka biasanya akan diberikan peluang sekali lagi.

Latihan melalui kursus yang diberikan ini adalah bertujuan untuk melatih pegawai-pegawai penjara supaya lebih cekap dan mahir dalam menjalankan tugas. Melalui kursus ini, terdapat dua aspek penting yang diberikan penekanan iaitu fizikal dan akademik. Bagi aspek fizikal, setiap pegawai yang menjalani kursus ini akan diberikan latihan fizikal seperti latihan kawad kaki, jasmani dan penggunaan senjata. Manakala dalam aspek akademik pula merangkumi pengetahuan undang-undang dan tugas seharian pegawai penjara, peraturan penjara, (*prisons rules*), latihan senjata (*drill arms*) Kod Prosedur Jenayah (*Criminal Procedure Code*), unsur-unsur teori hukuman, (*elements of theory of punishment*) dan selok-

belok pentadbiran penjara. Latihan-latihan ini berperanan penting dalam melahirkan tenaga penjara yang benar-benar berkemampuan dan berdisiplin dalam menjalankan tugas.

Pengenalan Jawatan Baru

Dalam usaha mengatasi masalah pertindihan tugas, beberapa jawatan baru telah diwujudkan. Pada tahun 1947, satu jawatan dalam bidang pentadbiran penjara diwujudkan iaitu Kerani Penjara dan dimasukkan dalam kategori Gred IV.⁴⁹ Melalui jawatan ini, masalah kekurangan kerani dalam mengurus tadbir urusan perkeranian penjara dapat diatasi sekali gus menyelesaikan masalah pertindihan tugas yang sebelum ini berada di bawah tanggungjawab Wadar Penjara. Kewujudan satu pos jawatan ini, membolehkan bidang tugas perkeranian dijalankan dengan lebih sistematik, sementara wadar-wadar penjara pula boleh melaksanakan tugas pemantauan keselamatan dan disiplin banduan dengan lebih berkesan.

Selain jawatan Kerani Penjara, jawatan guru sekolah penjara juga diwujudkan. W. B. Oliver, selaku (Superintenden) Penguasa Kanan Penjara bagi Pusat Pentadbiran Penjara di Taiping Perak, bersetuju untuk mewujudkan satu jawatan baru bagi mendapatkan guru sekolah penjara yang berkualiti di dalam perkhidmatan penjara.⁵⁰ Jawatan khusus bagi kakitangan guru sekolah ini hanya diperuntukkan untuk mengajar dan mendidik banduan sahaja di sekolah-sekolah penjara. Guru-guru sekolah ini tidak akan terikat dengan tugas *Gaoler* untuk menjaga dan mengawal keselamatan banduan. Tugas tersebut sebaliknya akan diawasi oleh *Gaoler* sendiri dan dibantu oleh kakitangan Kerani Penjara.⁵¹

Selain itu, masalah kekurangan kakitangan penjara juga cuba diatasi oleh pihak British dengan membuka lebih banyak jawatan sama ada di peringkat rendah mahupun tinggi.⁵² Walau bagaimanapun, jawatan-jawatan tersebut kurang mendapat sambutan ekoran skim gaji yang diberikan adalah rendah dan tidak menarik. Orang ramai sebaliknya lebih berminat untuk bekerja di ladang-ladang getah yang menawarkan kadar upah yang lebih tinggi berbanding gaji yang ditawarkan kepada kakitangan penjara. Malahan jumlah gaji yang diberikan kepada wadar juga tidak seragam mengikut negeri. Sebagai contoh, wadar di Penjara Taiping mendapat jumlah gaji yang lebih tinggi berbanding wadar penjara yang bertugas di penjarapenjara Pulau Pinang dan Melaka. Walaupun Penjara Taiping berperanan sebagai sebuah Pusat Pentadbiran penjara, namun kelebihan yang diberikan kepada kakitangannya tidak dipersetujui dan mendatangkan rungutan kakitangan. Selain itu, respons yang tidak menggalakkan terhadap jawatan tersebut juga adalah disebabkan oleh persepsi orang ramai yang beranggapan bahawa peluang untuk memperoleh jawatan tersebut amatlah tipis.⁵³ Walau bagaimanapun, situasi ini mula berubah khasnya semasa berlakunya kemelesetan ekonomi yang menyebabkan peluang pekerjaan adalah begitu terhad sekali. Pada masa ini, pihak pentadbiran penjara menerima banyak permohonan jawatan daripada orang ramai yang mahu berkhidmat di penjara.

Dalam usaha meningkatkan kakitangan penjara di bahagian perkeranian, pihak British mengambil inisiatif dengan menyerap masuk banduan yang selesai menjalani hukuman serta mempunyai rekod yang baik dan cemerlang. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak bertahan lama dan telah dihentikan pada tahun 1957. Hal ini disebabkan timbul beberapa perkara yang mendatangkan kerisauan di pihak pentadbiran penjara. Dalam hal ini, terdapat laporan yang menyatakan bahawa bekas banduan yang bekerja di pejabat penjara telah melihat maklumat sulit seperti dokumen-dokumen dan buku-buku rekod banduan lain yang jelas melanggar etika penjara. Bahkan ada juga dalam kalangan bekas banduan yang didapati membuat catatan dalam rekod-rekod penjara seperti mengulas, menulis dan mengkritik seseorang banduan yang dikenali mereka dan hal ini merupakan satu tindakan yang bercanggah dengan peraturan penjara.

Ekoran daripada masalah-masalah yang timbul ini, W. G. Webb⁵⁴ selaku Pesuruhjaya Penjara Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan arahan agar pengambilan banduan untuk berkhidmat dalam pentadbiran penjara harus dihentikan. Selain kerani, banduan juga tidak dibenarkan bekerja sebagai guru untuk menjadi tenaga pengajar. Hal ini dapat dilihat pada tahun 1947 apabila Oliver, Penguasa Penjara peringkat pusat mengeluarkan arahan dan pekeliling kepada semua penjara bahawa bekas banduan yang diterima bekerja di sekolah penjara hanya boleh menjadi pembantu kepada guru sekolah sahaja bukan menjadi tenaga pengajar kepada banduan yang lain.⁵⁵ Selain itu, mereka juga hanya dibenarkan berada di dalam pejabat penjara untuk melakukan kerja pembersihan sahaja serta perlu dipantau oleh pegawai penjara. Malahan mereka yang ditugaskan untuk melakukan kerja pembersihan juga tidak boleh terdiri daripada individu yang sama, sebaliknya perlu ditukar sekurang-kurangnya seminggu sekali.⁵⁶

Penambahbaikan Kemudahan Pendidikan di Penjara

Dalam usaha untuk menambahbaik pendidikan yang disediakan di penjara, kemudahan-kemudahan yang disediakan di penjara amat dititikberatkan oleh pihak kerajaan. Salah satunya ialah dengan membina perpustakaan yang mengandungi bahan-bahan bacaan yang diperlukan oleh banduan. Sebelum tahun 1940 lagi, perpustakaan penjara telah diwujudkan bagi memberi kemudahan kepada banduan untuk mendapatkan pelbagai bahan bacaan. Namun begitu, semasa pendudukan Jepun, semua perpustakaan di dalam penjara di Semenanjung Tanah Melayu mengalami kemusnahan. Selepas tamat pendudukan Jepun, kerajaan mengambil inisiatif untuk memulihkan semula keadaan dalam penjara. Usaha pemulihan ini dapat dilihat pada tahun 1949 apabila semua penjara di Semenanjung Tanah Melayu termasuklah di Pulau Pinang telah dilengkapi dengan perpustakaan penjara.

Dalam usaha menubuhkan semula perpustakaan di penjara Pulau Pinang, tabung-tabung kewangan bagi jabatan penjara telah diwujudkan untuk tujuan membeli buku dan bahan bacaan yang lain. Selain itu, pihak penjara Pulau Pinang turut menerima bantuan dan hadiah daripada beberapa pertubuhan yang lain. Sebagai contoh, Liga Perkhidmatan Wanita, *British Council*, Jabatan Penerangan dan beberapa buah lagi persatuan telah menghadihkan bahan-bahan bacaan dalam bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil serta poster-poster untuk perpustakaan penjara.⁵⁷ Bagi mempelbagaikan bahan-bahan bacaan, satu sistem pertukaran buku melalui kotak bergerak telah diperkenalkan pada tahun 1950. Sistem ini membolehkan pertukaran buku dilakukan di antara satu penjara dengan penjara yang lain. Pada tahun 1949, jumlah buku yang dipinjamkan di Penjara Pulau Pinang bertambah dari 2000 sehingga ke 4000 buah buku di perpustakaan penjaranya.⁵⁸ Sementara itu, keperluan buku dan alat tulis untuk kegunaan sekolah penjara Pulau Pinang turut ditambah. Pada tahun yang sama, Pesuruhjaya Penjara Persekutuan Tanah Melayu telah meluluskan lebih banyak permohonan buku rujukan dan peralatan sekolah.⁵⁹ Antaranya ialah buku *The Oxford English Course for Malaya- Second Year* sebanyak 50 salinan, *Malayan Reader, Book 1* sebanyak 50 salinan, 10 dozen buku latihan, satu perkakas pensil, satu kotak pensil dan dua kotak kapur putih.⁶⁰

Di samping itu, beberapa kemudahan atau peralatan untuk pendidikan turut dibekalkan iaitu sebanyak 10 buah meja, 10 buah kerusi, satu unit papan tulis, dua unit papan hitam dan sebuah meja tulis.⁶¹ Seterusnya, pada tahun 1951, beberapa kemudahan yang baru turut disediakan seperti kemudahan gimnasium, tinju dan angkat berat.⁶² Kemudahan-kemudahan ini diperuntukkan kepada banduan bagi menjalani latihan fizikal. Penyediaan latihan atau program seperti ini adalah bertujuan untuk membentuk banduan agar lebih berdisiplin. Dalam hal ini, program latihan jasmani dan sukan di sebelah pagi atau sebelum banduan mula bekerja

telah diwajibkan kepada banduan sebagai salah satu kaedah untuk mendidik mereka menjadi lebih berdisiplin dan bertanggungjawab.

Selain itu, pengubahsuaian kecil ke atas bangunan penjara Pulau Pinang turut dilaksanakan. Penekanan diberikan terhadap aspek keselamatan bangunan yang pernah mengalami kerosakan semasa zaman pendudukan Jepun sebelum ini.⁶³ Malahan pembaharuan terhadap aspek pembangunan penjara juga telah dilakukan pada tahun 1950. Dalam hal ini, bilik penerimaan dan bilik tahanan reman telah dibina. Selain itu, dapur yang diasingkan mengikut banduan yang berbeza kaum juga telah disiapkan demi menjaga kepentingan bersama.⁶⁴ Beberapa kemudahan lain seperti padang bola dan kemudahan permainan badminton, bola sepak, bola jaring dan tinju turut disediakan.⁶⁵ Dalam tempoh ini, walaupun jumlah banduan didapati agak ramai dan padat, namun kebajikan banduan tetap diambil berat oleh pihak kerajaan. Mereka diletakkan di dalam sel-sel individu dan diberi kemudahan yang cukup seperti bantal, tilam, rak buku, meja dan tempat pembuangan najis. Berikut merupakan ulasan yang diberikan oleh Majistret Pulau Pinang yang pertama semasa lawatannya ke Penjara Pulau Pinang "*Many changes since my last visit and all for the better*".⁶⁶ Kenyataan Majistret Pertama Pulau Pinang ini menunjukkan terdapat banyak perubahan positif yang dapat dilihat jika dibandingkan dengan keadaan sejak permulaan penjara itu dibuka pada tahun 1849 sehingga tahun 1957. Justeru, tempoh 1941 hingga 1957 ini menjadi titik tolak kepada perubahan penjara yang lebih sistematik dengan penekanan kepada konsep pemulihan melalui didikan dan bimbingan banduan demi menjadikan banduan manusia yang lebih bermanfaat.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, perubahan konsep penjara dari hukuman kepada pemulihan menyebabkan pemulihan melalui pendidikan menjadi tumpuan utama British. Melalui pendidikan akademik, vokasional dan agama dilihat memberikan impak yang tersendiri. Pendidikan akademik menyebabkan banduan menjadi celik huruf terutama pengetahuan penting iaitu Bahasa Melayu dan hal ini sekaligus mempengaruhi peningkatan permohonan warganegara Persekutuan Tanah Melayu dalam kalangan banduan. Sementara itu, pendidikan vokasional pula memupuk nilai disiplin dan komitmen sendiri di samping menyumbang pendapatan penjara manakala kebanyakan banduan yang kurang sempurna pendidikan agama mendapat bimbingan sebagai pedoman dan pegangan hidup yang teguh demi mengelakkan diri dari kegiatan negatif.

Beberapa kelemahan yang wujud seperti kekurangan guru sekolah penjara dan pertindihan tugas di antara tenaga pengajar dan kakitangan penjara mengganggu kelancaran pelaksanaan kelas-kelas pendidikan penjara disebabkan kesukaran memenuhi syarat mendapatkan guru sekolah yang berkelayakan. Hal ini menyebabkan kelas-kelas banyak tergendala disebabkan kemudahan yang tidak mencukupi. Selain itu, peralatan jentera yang rosak memerlukan tempoh tertentu untuk dibaikan sehingga menyebabkan wujudnya lebih masa yang akhirnya mendorong berlaku pergeseran dan pergaduhan banduan. Keadaan ini menyebabkan banduan dihantar ke Penjara Taiping yang mempunyai kemudahan dan ruangan seksyen industri yang lebih luas. Di samping itu, pelanggaran tata tertib dalam kelas juga menimbulkan kesukaran pada pihak wadar dan guru sekolah untuk mengawal keberadaan banduan semasa di dalam kelas.

Seterusnya, usaha secara serius kerajaan British dapat dilihat dalam menangani masalah-masalah penjara ini. Penyediaan latihan kepada kakitangan bagi mengatasi masalah kakitangan tidak berpengalaman dilaksanakan dengan menyediakan kursus tertentu terutamanya dalam pendidikan vokasional dan akademik. Selain itu, wadar sedia ada juga telah

direkrut dan dijadikan kakitangan sepenuh masa. Sementara itu, masalah pertindihan tugas pula diatasi dengan mewujudkan jawatan baru dalam bidang perkeranian bagi memudahkan pentadbiran dijalankan dengan lebih tersusun.

Penyerapan bekas banduan yang berkelakuan baik untuk diambil bekerja pula hanya dijalankan secara sementara dan terus dihentikan ekoran munculnya masalah lain yang berkaitan sikap dan disiplin. Seterusnya, kemudahan-kemudahan penjara juga ditambahbaik secara serius sejak tahun 1940 sehingga tahun 1957. Hal ini bagi melancarkan perjalanan dan aktiviti pendidikan penjara secara keseluruhannya. Oleh itu, tempoh 1941 hingga 1957 sememangnya merupakan fasa perubahan yang kritikal dalam aspek pendidikan dengan pemulihan melalui pendidikan penjara menjadi satu instrumen penting untuk memulihkan banduan dalam masa yang sama menguruskan banduan dengan lebih sistematik dan berkesan.

Rujukan

- ¹ Colonial Office Files (C. O.) 94/02. Circular 1178/55. *Memorandum on the Treatment of Persistent Offenders*. 23 November 1955, h.17.
- ² *Report on the Prisons of the Federation of Malaya for the Year 1948*. W. B. Oliver, Acting Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross, Government Printer, 1949, h. 6.
- ³ Teoh Boon Leong, *Concept of Prison Labour*, A Paper Prepared by the Welfare Section of Malaysian Prison Department, 1971, h. 3.
- ⁴ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping. Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 1.
- ⁵ *Report on the Prisons of the Federation of Malaya for the Year 1948*, W. B. Oliver, Acting Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross, Government Printer, 1949, h. 6.
- ⁶ C. O. 273/412/45969. Gabenor Kepada Colonial Office, 22 Oktober 1914.
- ⁷ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 70/47. Surat daripada Kommissiонер Penjara Malayan Union kepada Superintenden Penjara Pulau Pinang, 16 Disember 1947.
- ⁸ Commisioner Prisons (C. P.) 130/45, No. 69. Surat daripada Senior Superintenden Penjara Perak, Taiping kepada Penguasa Penjara Pulau Pinang, 29 Disember 1947.
- ⁹ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 421/54. Prisons Headquarters. Surat daripada O. V. Garratt, Kommissiонер Penjara *Federation of Malaya* kepada semua Penguasa Penjara Senior, 3 Mei 1954.
- ¹⁰ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 70/47. *Rules Governing Attendance at Prison School*, 20 Januari 1948.
- ¹¹ Colonial Office Files (C. O.) 273/126 Fail 6954. *Rules and Regulations under Ordinance No. XIV of 1872 for the Guidance of All Persons Concerned in the Care and Management of Prisons and Prisoners in the Straits Settlements*, h.1. By the Governor in Council on the 18 June 1881.
- ¹² *Report of the Prisons Department Federation of Malaya for the Years 1953 and 1954*. O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by G. A. Smith, Government Printer, 1956, h. 51.
- ¹³ *Report of the Prisons Department Federation of Malaya for the Years 1953 and 1954*. O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by G. A. Smith, Government Printer 1956, h. 51.
- ¹⁴ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt. Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross. Government Printer, h. 18.
- ¹⁵ *Report on the Prisons of the Federation of Malaya for the Year 1948*, W. B. Oliver, Acting Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross, Government Printer, 1949, h. 6.
- ¹⁶ Colonial Office Files (C. O.) 70/47, *Prison Penang. Ref Superintendent Penang Prisons*.
- ¹⁷ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 70/47, *Her Majesty Prison*, Pulau Pinang, 2 Mac 1948.
- ¹⁸ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer, 1953, h. 27.
- ¹⁹ Superintendent Penang Prisons (S. P. P.) 70/47. Ref. No. (97) *Surat daripada Managing Director Caxton Press Ltd. kepada Penguasa Penjara Pulau Pinang*.
- ²⁰ Superintendent Penang Prisons (S. P. P.) 70/47. Penang Prison, *School Time Table 1956*. Surat dari Penguasa Penjara J. Banister, 3 Januari 1956.

²¹ Selangor Secretariat File (S. S. F.) 1092/1952. *Report on the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, h. 27. O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping.

²² Superintendent Penang Prisons (S. P. P.) 70/47 No. 96/8, *Surat daripada Asst. Director of Education Federation of Malaya Kepada Penguasa Penjara Pulau Pinang*, 27 Mei 1954.

²³ Commissioner Prison (C. P.) 130/45. No. 53. *Official Memorandum 7. Surat daripada Penguasa Kanan Penjara, Perak Taiping kepada Penerbit Buku Beng Beng Book Coy. Pulau Pinang*, 11 September 1945.

²⁴ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross. Government Printer, h. 20.

²⁵ *Report of the Prison of the Federation of Malaya for the Year 1950*, O. V. Garratt, O. B. E., Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross, Government Printer, 1952, h. 22.

²⁶ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 31.

²⁷ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer, 1953, h. 32.

²⁸ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952, Industries Annual Report*. O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 31.

²⁹ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer, 1953, h. 26.

³⁰ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 26.

³¹ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 32.

³² *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 26.

³³ "The Aim to Turn Out Better Men", *The Straits Times*, 30 September 1955, h. 7.

³⁴ Colonial Office Files (C. O.) 273/126. Fail 6954. *Rules and Regulations under Ordinance No. XIV of 1872 for the Guidance of All Persons Concerned in the Care and Management of Prisons and Prisoners in the Straits Settlements*, h.1. By the Governor in Council on the 18 June 1881.

³⁵ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 70/47. *Surat daripada Kommissiонер Penjara Malayan Union kepada Superintenden Penjara Pulau Pinang*, 16 Disember 1947.

³⁶ "Prisoners to be Trained for Jobs", *The Singapore Free Press*, 17 November 1949, h. 5.

³⁷ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross. Government Printer, h. 18.

³⁸ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross. Government Printer, h. 18.

³⁹ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer, 1953, h. 18.

-
- ⁴⁰ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer, 1953, h. 13.
- ⁴¹ Superintendent Penang Prisons (S. P. P.), Penang, 1 December 1948.
- ⁴² Superintendent Penang Prisons (S. P. P.) 20/1947 Penang, 1 December 1948.
- ⁴³ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross, Government Printer, h. 18.
- ⁴⁴ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) Penang Prisons, Penang, 1 December 1948.
- ⁴⁵ "Fifty More Warders for Outram Jail", *The Singapore Free Press*, 8 Julai 1947, h. 1.
- ⁴⁶ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer, 1953, h. 13.
- ⁴⁷ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross Government Printer, h. 1.
- ⁴⁸ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross Government Printer, h. 1.
- ⁴⁹ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 2547/1904, Surat Residen British Selangor kepada Residen Jeneral Negeri Melayu Bersekutu, Kuala Lumpur, 4 Mei 1904.
- ⁵⁰ Commissioner Prison (C. P.) 264/47, Surat Senior Superintendent Penjara Perak kepada Komisioner Penjara Malayan Union, 14 Mei 1947.
- ⁵¹ Commissioner Prison (C. P.) 264/47, Surat Senior Superintendent Penjara Perak kepada Komisioner Penjara Malayan Union, 14 Mei 1947.
- ⁵² *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross, Government Printer, h. 1.
- ⁵³ Selangor Secretariat File, 10/47, *Report on Selangor Prison by Superintendent of Prisons*, Selangor, 1984, h. 7.
- ⁵⁴ Major W. G. Webb merupakan Penguasa Penjara (*Superintendent of Prisons*). Beliau berpengalaman luas dalam bidang kepenjaraan dan telah tamat mengikuti kursus Pegawai Kanan Penjara di United Kingdom.
- ⁵⁵ Commissioner Prison (C. P.) 130/45. Senior Surat Superintenden Penjara Perak Kepada Komisioner Penjara Malayan Union, 27 Oktober 1947.
- ⁵⁶ Taiping Prison (TPG. P) 162/1958, Employment of Prisoners in Offices. Surat Pesuruhjaya Penjara Persekutuan Tanah Melayu kepada Penguasa Penjara Pulau Pinang, 24 Oktober 1958.
- ⁵⁷ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross, Government Printer, h. 18 & *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 43.
- ⁵⁸ *Report of The Prison of the Federation of Malaya for the Year 1950*, O. V. Garratt, O. B. E., Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross, Government Printer, 1952, h. 20.
- ⁵⁹ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 70/47. Commissioner Office Prisons Penang, Ref Superintendent Penang Prisons.
- ⁶⁰ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 70/47. Surat daripada Komisioner Penjara Malayan Union Kepada Superintenden Penjara Pulau Pinang, 16 Disember 1947.
- ⁶¹ Commissioner Prison (C. P.) 130/45 No. 67. Memorandum Senior Superintenden Penjara Taiping kepada Komisioner Penjara Malayan Union, 5 Disember 1947.

⁶² *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 29.

⁶³ Federation Secretariat, 14250/49, *Report on the Penal Administration of the Prison Department for Inclusion in the Federation Annual Report for the Year 1949*, h. 1.

⁶⁴ Superintendent of Prisons Penang (S. P. P.) 18/53. No. 7, Prison Office, Priveleges and Duties of Convicted and Unconvicted Prisoners Notices Fee. Surat Penguasa Penjara Pulau Pinang kepada Komisioner Penjara Persekutuan Tanah Melayu, Bangunan Kerajaan Taiping, 17 Februari 1953.

⁶⁵ *Report of the Prisons Department in the Federation of Malaya for the Years 1951 and 1952*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons Federation of Malaya, Taiping, Kuala Lumpur: The Government Press by B. T. Fudge ATG Government Printer 1953, h. 13.

⁶⁶ *Report on the Prison Department in the Federation of Malaya for the Year 1949*, O. V. Garratt, Commissioner of Prisons, Federation of Malaya, Kuala Lumpur: The Government Press by H. T. Ross. Government Printer, h. 18.